



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM) CAWANGAN KELANTAN

MODUL KOLEKSI ITEM PERCUBAAN SPM 2025

BAHASA MELAYU KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

SKEMA PEMARKAHAN

Join telegram @exercise_students

MARKAH PENUH : 100 MARKAH**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **10** markah

Soalan 4: **5** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bilangan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bilangan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca yang betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru sebahagian atau keseluruhan ayat daripada petikan atau mananya bahagian dalam keseluruhan kertas soalan berikan 0 markah.
7. Kata bilangan digunakan sebagai kata nama khas, peribahasa atau digandakan, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan markah yang diperoleh.

Soalan 1 – Morfologi**Kata Bilangan**

- (i) Satu (kata bilangan tentu) ;
- (ii) Semua (kata bilangan tak tentu)
- (iii) Pelbagai (kata bilangan tak tentu)
- (iv) Setiap (kata bilangan pisahan)
- (v) Beratus-ratus (kata bilangan himpunan)

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis**Jenis Ayat**

- (i) Ayat tanya
- (ii) Ayat penyata
- (iii) Ayat seruan
- (iv) Ayat tanya
- (v) Ayat penyata
- (vi) Ayat perintah

Join telegram @exercise_students

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

- (i) October – oktober
- (ii) warga negara – warganegara
- (iii) di dalam – dalam
- (iv) tersedia - disediakan
- (v) permintaan – permohonan
- (vi) dan – atau

[Maksimum : 5 markah]

Bahan 2

- (i) penganguran - pengangguran
- (ii) ajensi - agensi
- (iii) dilaksanakan - melaksanakan
- (iv) kebolehan - kemahiran
- (v) pada - kepada

[Maksimum : 5 markah]

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup , mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan / salah fakta	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Raja bertitah, "Beta tidak mahu laksamana berjauhan daripada beta. Jika/Jikalau Laksamana pergi berkawal, siapakah yang akan menemani beta di istana ini? Beta hanya mengharapkan Laksamana." Laksamana mendiamkan diri apabila mendengar titah raja sedemikian itu.

Beberapa hari kemudian, semua orang kaya dan saudagar telah habis kehilangan harta benda kerana kecurian/dicuri. Lalu mereka datang menghadap raja. Raja tidak mampu berkata apa-apa/ Raja tidak terkata apa-apa.

Join telegram @exercise_students [Maksimum : 5 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai

- | | |
|--|---|
| (i) telur di hujung tanduk / retak menanti belah / bergantung di hujung kuku | 2 |
| (ii) pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara | 2 |
| (iii) di mana ada kemahuan, di situ ada jalan / usaha tangga kejayaan | 2 |

(peribahasa lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 6: **13 markah**

Soalan 7: **12 markah**

Soalan 8: **10 markah**

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8(ii) hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat <i>gramatis</i>	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat <i>tidak gramatis</i>	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) /menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat <i>gramatis</i>	3
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas / ayat <i>kurang gramatis</i>	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan/ayat <i>gramatis</i>	
- Isi tidak cukup (1 isi) /tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah : Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) /menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas / ayat <i>gramatis</i>	4
- Isi cukup (3 isi) /menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas /ayat <i>kurang gramatis</i>	3
- Isi tidak cukup (2 isi) /menyentuh semua bahan/relevan dengan tugasan/ ayat <i>gramatis</i>	
- Isi tidak cukup (2 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>gramatis</i>	2
- Isi tidak cukup (2 isi) /menyentuh semua bahan/relevan dengan tugasan/ ayat <i>kurang gramatis</i>	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>gramatis</i>	1
- Isi tidak cukup (1 isi) /tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>kurang gramatis</i>	
- Jawapan salah	0

Soalan 6

	Markah
(i) Jenis bungkusan	[Maksimum : 2 markah]

P1 *polisterina*
P2 beg plastik

(ii) Faktor-faktor**Bahan 1**

- P1 pelepasan asap kilang yang tidak terkawal
P2 Pembuangan sisa toksik ke dalam sungai
P3 penggunaan racun serangga dalam sektor pertanian

Bahan 2

- P4 Kegagalan orang ramai menguruskan sampah
P5 masyarakat kurang pendidikan tentang alam sekitar

Bahan 3

- P6 pembakaran terbuka
P7 penebangan hutan secara berleluasa

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

(iii) Kebaikan-kebaikan

- P1 melindungi alam sekitar
P2 menjimatkan sumber semula jadi
P3 menjimatkan tenaga
P4 kurangkan sisa ke tapak pelupusan
P5 mewujudkan peluang pekerjaan
P6 kurangkan pemanasan global

(Kebaikan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 tegur dengan cara yang berhemah/menasihatinya
P2 menerangkan keburukan membuang sampah ke dalam sungai
P3 mengalakkan rakan membuang sampah ke dalam tong sampah
P4 melaporkan kepada pihak berkuasa
P5 menunjukkan contoh / teladan yang baik
P6 Mengajaknya menyertai aktiviti kebersihan

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7**(i) Maksud *tetap mengasihi***

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | tidak putus-putus/ terus/ selalu/ kekal/ tidak berubah-ubah menyayangi | 2 |
| P2 | tidak putus-putus/ terus/ selalu/ kekal/ tidak berubah-ubah mengasihi | 1 |
| P3 | tetap menyayangi | 1 |

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Peranan Guru****Bahan 1**

- P1 menyara persekolahan
 P2 menghadiahkan kasih sayang buat aku

Bahan 2

- P3 memberi kata-kata semangat [bantu membisik semangat]
 P4 membimbing aku mengamalkan akhlak terpuji [bantu bimbing aku amalkan akhlak terpuji]

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan kedua-dua bahan**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Punca-punca**

- P1 tiada bimbingan daripada ibu bapa
 P2 tidak mendapat didikan agama/ moral yang sempurna
 P3 pengaruh media massa
 P4 pengaruh rakan sebaya
 P5 masalah gangguan emosi
 P6 sikap guru yang tidak disenangi oleh murid

(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iv) Tindakan - tindakan**

- P1 membuat perancangan awal
 P2 membuat pembahagian tugas
 P3 membuat hebahan
 P4 membuat latihan dan persediaan
 P5 melibatkan banyak pihak untuk menjayakannya
 P6 minta pandangan daripada guru/ orang berpengalaman
 P7 merujuk media sosial

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 8**Panduan pemarkahan bagi 8(i)**

- (a) Jika calon **menyalin keseluruhan petikan tanpa pangkal ayat**, berikan **0 markah**
- (b) Jika calon **menyalin keseluruhan petikan dengan menulis pangkal ayat**, berikan **separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja**.
- (c) Jika calon **menyalin isi secara terpilih dan tiada pangkal ayat**, periksa seperti biasa. (**rujuk deskripsi pemarkahan**)

(i) Cadangan-cadangan

- P1 Majlis Daerah Kuala Selangor perlu melakukan penilaian semula terhadap pelan pencahayaan bandar ini
- P2 Majlis Daerah Kuala Selangor perlu merancang semula setiap pelan pencahayaan bandar
- P3 melaksanakannya dalam tahun kewangan yang akan datang
- P4 premis-premis komersial perlu dialihkan dari Balai Cerap Sultan Salahuddin dan tebing Sungai Selangor
- P5 meneliti cadangan kami untuk mewartakan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap

Nota : Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)**(ii) Soalan novel : 6 markah**

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi / peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi. Huraian calon sama ada ada secara umum atau ada nama watak juga diperiksa seperti biasa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah
- (g) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh.
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (j) Jika calon hanya menulis nama novel dan pengarang sahaja, berikan 0 markah.
- (k) Calon boleh memilih mana-mana 2 buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

8.(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Tirani karya Beb Sabariah
- (c) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (d) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (e) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (f) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (g) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (h) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Peristiwa yang menimbulkan rasa sedih kepada pembaca dan kemukakan pendapat anda.

[6 markah]

A. NOVEL PANTAI KASIH karya Azmah Nordin

1. **Peristiwa:** Peristiwa kematian anak Doktor Raiha dalam kebakaran kereta milik Doktor Sadiz di tepi sebuah rumah tumpangan.

Pendapat : Anak yang tidak berdosa menjadi mangsa keadaan masalah rumah tangga kedua ibu bapanya.

2. **Peristiwa:** Peristiwa seorang pesakit yang bernama Unong Siron terpaksa menjalani pembedahan sendi tulang pinggul sebanyak enam kali di Pusat Rawatan Pantai Kasih.

Pendapat : Pesakit dari kelas golongan bawahan menjadi mangsa sikap tamak seorang doktor sehingga terpaksa menjalani pembedahan berulang kali.

3. **Peristiwa:** Peristiwa Doktor Raiha dipaksa oleh suaminya Dr. Sadiz supaya menggugurkan kandungan setelah didapati bayi yang dikandungnya cacat.

Pendapat: Kasih seorang ibu terhadap anak dalam kandungannya telah dinafikan oleh suami sendiri semata-mata kerana kecacatan.

4. **Peristiwa:** Peristiwa Ibu Unong Siron yang sanggup tidur di atas lantai hospital semasa menjaga anaknya yang mendapat rawatan di Pusat Rawatan Pantai Kasih.

Pendapat: Seorang ibu tidak menghiraukan kesusahan yang terpaksa dihadapi semata-mata untuk melihat anaknya sembuh kembali.

Nota : Peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai

B. NOVEL BIMASAKTI MENARI karya Sri Rahayu Mohd Yusop

1. **Peristiwa:** Peristiwa kegagalan pelajar-pelajar dari Jepun untuk melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar tanpa bantuan alat pencerap di Balai Cerap Sultan Salahuddin.

Pendapat: Hasrat sekumpulan kanak-kanak untuk menikmati keindahan alam tidak tercapai kerana pembangunan yang pesat.

2. **Peristiwa:** Peristiwa Nurul Hafsa menjadi mangsa apabila diculik dan abangnya, Budiman cedera dipukul.

Pendapat : Seseorang bertindak luar batas sehingga menggugat keselamatan orang lain.

3. **Peristiwa:** Peristiwa kesanggupan Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid.

Pendapat: Kesanggupan seorang rakan bergadai nyawa demi menyelamatkan rakannya yang dalam kesusahan.

4. **Peristiwa;** Peristiwa penceraian Tan Sri Muhammin dan Puan Maryam Wickham atas alasan tidak sehaluan sehingga menyebabkan Muhammad Taufik dibesarkan dalam keluarga yang berpecah belah.

Pendapat: Sepatutnya seorang anak dibesarkan dengan penuh kasih sayang oleh ayah dan ibu dalam satu keluarga.

Nota : Peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20 markah**
 (b) Bahasa - **10 markah**

- (a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima												Markah Maksimum
(I) Pendahuluan													2	
(i) Fokus 1 (langkah/usaha/cara)													16	
Bahan 1	4	4	4	4	3	3	3	3	2	2	2	1		
Bahan 3	2	2	1	1	2	2	1	1	2	2	1	2		
(ii) Fokus 2 (punca/sebab)														
Bahan 1	3	1	2	1	2	1	2	3	3	2	3	3		
(iii) Fokus 3 (cabaran / masalah/kekangan)														
Bahan 2	2	1	1	2	1	2	2	1	1	2	2	2		
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
(iv) Penutup/Kesimpulan													2	
Jumlah Markah														20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu Penggunaan kosa kata luas dan tepat Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat baik Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
- Jika calon memperoleh markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika calon memperoleh markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Markah isi merangkumi pendahuluan, isi dan Kesimpulan.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

	Markah
P1 ... membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memajukan industri batik dan punca-punca / sebab-sebab industri batik semakin dilupakan serta cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan memajukan industri batik (di negara ini / di Malaysia)	2
P2 ... membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memajukan industri batik dan punca-punca / sebab-sebab industri batik semakin (di negara ini / di Malaysia)	1
P3 ... membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memajukan industri batik dan cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan memajukan industri batik (di negara ini / di Malaysia)	1
P4 ... membincangkan cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan memajukan industri batik dan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memajukan industri batik (di negara ini / di Malaysia)	1
P5 ... membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memajukan industri batik (di negara ini / di Malaysia)	1
P6 ... membincangkan punca-punca / sebab-sebab industri batik semakin dilupakan (di negara ini / di Malaysia)	1
P7 ... membincangkan cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan memajukan industri batik (di negara ini / di Malaysia)	1

Isi [16 markah]**Fokus 1 – Langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memajukan industri batik****Bahan 1**

A1	pihak kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mempromosikan industri ini	2
A2	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah berusaha meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D).	2
A3	Program Pembangunan Usahawan pula telah melaksanakan latihan kemahiran tenaga kerja bagi melahirkan tenaga kerja mahir	2
A4	teknologi baharu berkaitan penggunaan mesin dan komputer untuk menghasilkan batik yang lebih menarik dan berkualiti diperkenalkan	2

- | | | |
|----|---|---|
| B1 | Kerajaan menggiatkan pemakaian batik dalam kalangan rakyat. | 2 |
| B2 | Pengusaha mempelbagaikan rekaan yang terkini dan bersesuaian dengan usia semua kelompok masyarakat. | 2 |

Fokus 2 - punca-punca / sebab-sebab industri batik semakin dilupakan

Bahan 1

- | | | |
|----|---|---|
| C1 | kurangnya pendedahan kepada generasi muda untuk mewarisi kemahiran ini. | 2 |
| C2 | Proses penghasilan blok dan corak batik yang sukar | 2 |
| C3 | kos pembuatan sarang blok batik yang semakin meningkat | 2 |

Fokus 3 - cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan memajukan industri batik

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| D1 | Menghadapi persaingan dengan industri tekstil biasa | 2 |
| D2 | Menghadapi masalah kekurangan modal | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, industri batik perlu dimajukan agar industri pembuatan batik dapat dikembangkan. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, industri batik perlu dimajukan | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Nota:

- (i) Jika calon menulis pendahuluan 2 fokus atau 1 fokus, berikan 1 markah
- (ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada industri batik sahaja.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT